

- 1 Maklumat berikut berkaitan perbandingan Sistem Pembesar Empat Lipatan dan Sistem Jemaah Menteri.

Sistem Pembesar Empat Lipatan	Sistem Jemaah Menteri
X	Perdana Menteri
Penghulu Bendahari	Menteri Kewangan
Temenggung	Menteri Dalam Negeri

Apakah X?

- A Hulubalang
 - B Laksamana
 - C Syahbandar
 - D Bendahara
- 2 Wilayah Kesultanan Melayu Melaka meliputi Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera yang diperoleh melalui
- A penaklukan kawasan
 - B penyebaran agama
 - C pertukaran budaya
 - D penghantaran utusan
- 3 Novel berikut diterbitkan di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Anak Mat Lela Gila• Putera Gunung Tahan |
|--|

Apakah persamaan mesej di antara novel tersebut?

- A Kerjasama dengan pemerintah
- B Petempatan khas bumiputera
- C Kebebasan kaum wanita
- D Pembelaan tanah air

- 4 Tokoh berikut merupakan nasionalis Asia Tenggara.



Apakah isu yang diperjuangkan oleh tokoh tersebut?

- A Memajukan pendidikan agama
 - B Bekerjasama dengan penjajah
 - C Mengutamakan kebudayaan
 - D Menuntut kemerdekaan
- 5 Jadual berikut berkaitan dengan pemerintah Thailand.

Pemerintah	Tindakan
- Raja Mongkut - Raja Chulalongkorn	Melaksanakan sistem birokrasi Barat

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap Thailand?

- A Kemerdekaan negara dikekalkan
 - B Persaingan kuasa besar bertambah
 - C Kuasa pemerintah tradisional mantap
 - D Ekonomi tempatan dikuasai pembesar
- 6 Apakah kesan Revolusi 1932 terhadap politik Thailand?
- A Dasar tutup pintu dimansuhkan
 - B Sistem raja berkuasa mutlak tamat
 - C Pemerintahan republik dilaksanakan
 - D Kuasa pembesar tempatan diperkukuh

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 7 Jepun menyerang Pearl Harbour yang menjadi pangkalan British pada 8 Disember 1941.

Mengapakah Jepun bertindak demikian?

- A Mengeksploitasi bahan mentah
- B Meluaskan pasaran barangan
- C Mempertahan tanah jajahan
- D Melumpuhkan tentera laut

- 8 Berikut adalah tindakan kerajaan Jepun terhadap Kesatuan Melayu Muda (KMM) semasa mentadbir Tanah Melayu.

- Membebaskan ahli KMM dari penjara
- Memberi ruang kepada kegiatan politik KMM

Mengapakah Jepun bertindak demikian?

- A Menghalang kuasa asing bertapak
- B Mengurangkan tekanan parti radikal
- C Mempercepatkan kemerdekaan tanah air
- D Mendapatkan sokongan rakyat tempatan

- 9 Maklumat berikut berkaitan perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun.

- Force 136
- MPAJA
- Pasukan Wataniah

Apakah persamaan pertubuhan tersebut?

- I Bergerak secara gerila
 - II Bekerjasama dengan British
 - III Berjaya membentuk kerajaan
 - IV Bersetuju membuat perjanjian
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 10 Mengapakah British bertindak ^{mencegahkan} menghadkan penglibatan penduduk tempatan dalam pentadbiran Sabah?
- A Melicinkan urusan kerajaan
 - B Mempertahankan tradisi rakyat
 - C Menjimatkan kewangan negeri
 - D Mengurangkan ancaman dalaman
- 11 Mengapakah British terpaksa menamatkan pentadbiran Malayan Union?
- A Tentangan orang dagang
 - B Perpaduan orang Melayu
 - C Memansuhkan sistem monarki
 - D Menghalang perluasan kuasa asing
- 12 Apakah taktik yang digunakan oleh Sir Harold MacMicheal, untuk mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu berkenaan Malayan Union?
- I Ugutan
 - II Desakan
 - III Sogokan
 - IV Pujukan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 13 Apakah perkara yang terkandung dalam perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Syarat kewarganegaraan
 - B Kemerdekaan tanahair
 - C Pendidikan vernakular
 - D Pilihan raya umum

- 14 Undang-undang Darurat yang dikuatkuasakan pada tahun 1948 memberi kuasa pada kerajaan untuk
- I menahan sesiapa yang disyaki terlibat dengan pergerakan komunis
 - II menghantar pulang kaum imigran bagi mengelakkan sifat perkauman
 - III mempelbagai tanaman makanan untuk menjamin bekalan yang cukup
 - IV mengenakan hukuman mati terhadap sesiapa yang membawa senjata api
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 15 Parti Komunis Malaya ditubuhkan pada 30 April 1930 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Apakah matlamat perjuangan komunis di Tanah Melayu?
- A Mengusir semua penjajah
 - B Menyatukan pelbagai kaum
 - C Menubuhkan negara republik
 - D Menentang konsep Melayu Raya
- 16 Apakah kandungan Laporan Barnes yang dikeluarkan pada tahun 1951?
- A Pusat latihan guru sekolah kebangsaan perlu ditubuhkan
 - B Sekolah khas untuk masyarakat peribumi mesti diwujudkan
 - C Bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar sekolah menengah
 - D Sekolah vernakular dibenarkan beroperasi untuk semua kaum
- 17 Senarai berikut merupakan tokoh penting bagi sebuah organisasi sebelum kemerdekaan di Tanah Melayu.

- Dato' Onn Jaafar
- Dato' Lee Tiang Keng
- Dato' E.E. C Thuraisingam

Apakah organisasi tersebut?

- A Sistem Ahli
- B Suruhanjaya Reid
- C Suruhanjaya Cobbold
- D Jawatankuasa Antara Kerajaan

- 18 Apakah yang dilaksanakan oleh pemimpin Tanah Melayu pada tahun 1950-an untuk merealisasikan kemerdekaan Pesekutuan Tanah Melayu?
- A Memperkukuhkan perpaduan kaum
 - B Mengadakan pungutan suara
 - C Mendapatkan sokongan luar
 - D Berunding dengan komunis
- 19 Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Apakah kesan kemerdekaan terhadap ekonomi negara?
- A Kedaulatan negara terpelihara
 - B Menentukan corak pemerintahan
 - C Mengurangkan kadar kemiskinan
 - D Kedudukan kadar mata wang stabil
- 20 Mengapakah sikap toleransi pemimpin penting dalam pembentukan identiti negara bangsa di Tanah Melayu?
- A Mewujudkan keadilan dalam ekonomi
 - B Melahirkan masyarakat kelas pertengahan
 - C Meningkatkan kesedaran kerjasama politik
 - D Memperjuangkan kepentingan kaum sendiri
- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan politik Tanah Melayu sebelum merdeka.

Perikatan UMNO-MCA telah memenangi pilihan raya negeri pada tahun 1954

Apakah rumusan yang dapat dibuat daripada kemenangan tersebut?

- A Masyarakat pelbagai kaum sedia bekerjasama
- B Konsep negara Kesatuan diperkenalkan
- C Prinsip kerakyatan terbuka diterima
- D Penguasaan British diteruskan

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

- 22 Dalam usaha membentuk Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, satu perjanjian ditandatangani pada 15 Ogos 1957 dan dinamakan Perjanjian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Mengapakah perjanjian tersebut penting kepada penduduk Tanah Melayu?

- A Mengekalkan kuasa pembesar
 - B Majlis Mesyuarat Negeri dibentuk
 - C Mendapat hak untuk memerintah sendiri
 - D Menamatkan sistem pemerintahan monarki
- 23 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- I Pegawai British menasihati raja dalam pentadbiran
 - II Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
 - III Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan
 - IV Sultan menjadi ahli majlis Perundangan Persekutuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 24 Apakah jenis kedaulatan negara yang merujuk kepada pengiktirafan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?
- A Moden
 - B Tradisional
 - C Antarabangsa
 - D Undang-undang
- 25 Apakah ciri negara berdaulat?
- I Kerajaan yang sistematik
 - II Sempadan yang jelas
 - III Rakyat berbilang kaum
 - IV Mendapat naungan kerajaan asing
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 26 Mengapakah sistem pengasingan kuasa dapat mengekalkan kestabilan negara?
- A Mengagih persamaan kuasa antara negeri
 - B Mewujudkan kaedah semak dan imbang
 - C Memperkukuhkan institusi mahkamah
 - D Memberi kuasa mutlak kepada raja

- 27 Maklumat berikut berkaitan kuasa Yang di-Pertuan Agong.

- Memanggil dan membubarkan parlimen
- Ketua agama Islam di negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah

Apakah bidang bagi kuasa tersebut?

- A Perundangan
 - B Kehakiman
 - C Eksekutif
 - D Berkanun
- 28 Mengapakah pilihan raya penting dilaksanakan?
- A Menggalakkan penubuhan parti politik
 - B Mempercepatkan proses kemerdekaan
 - C Membentuk kerajaan mantap
 - D Meneruskan warisan bangsa
- 29 Mengapakah tanggungjawab mengundi semasa pilihan raya penting?
- A Memilih ketua parti politik
 - B Memperkukuh sistem beraja
 - C Membentuk sebuah kerajaan
 - D Mengekal tradisi bangsa

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

- 30** Senarai Bersama ialah perkara yang membolehkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.

Antara berikut, yang manakah perkara dalam Senarai Bersama?

- I Kewangan
- II Kerakyatan
- III Kebajikan awam
- IV Kerajaan tempatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 31** Sebelum idea gagasan Malaysia muncul, telah ada idea lain yang ingin menggabungkan bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara.

Apakah idea tersebut?

- A Asia Timur Raya
- B Asia untuk Asia
- C Melayu Raya
- D Malai Baru

- 32** Pada peringkat awal, penduduk Sabah merasa bimbang dan curiga berkenaan pembentukan Malaysia.

Mengapakan kebimbangan tersebut wujud?

- A Mendapat ugutan daripada negara berhampiran
- B Cenderung untuk merdeka secara berasingan
- C Khawatir akan ancaman pihak komunis
- D Bilangan pemimpin berwibawa terhad

- 33 Suruhanjaya Cobbold 1962 ialah laporan berkenaan pandangan penduduk Sabah dan Sarawak tentang idea pembentukan Malaysia.
Apakah pandangan tersebut?
- I Dua pertiga penduduk menyokong
 - II Cadangan pemberian kuasa autonomi
 - III Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
 - IV Syarat kerakyatan diperketatkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 34 Dasar Pelajaran Kebangsaan dilaksanakan melalui Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam ordinan Pelajaran 1957.
Apakah matlamat dasar tersebut?
- I Melahirkan tenaga mahir
 - II Memperkukuhkan identiti kaum
 - III Mempelbagaikan bahasa pengantar
 - IV Memupuk perpaduan kaum
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 35 Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah keseimbangan sosioekonomi setelah mencapai kemerdekaan?
- A Membentuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar
 - B Menubuhkan Majlis Perundingan Negara (MAPEN)
 - C Memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama
 - D Melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB)
- 36 Bagaimanakah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilaksanakan pada tahun 1970 hingga 1990 dapat memberi keadilan kepada semua kaum?
- A Membasmi buta huruf
 - B Meningkatkan infrastruktur
 - C Menyusun semula masyarakat
 - D Meningkatkan jumlah penduduk

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 37 Apakah langkah yang dilaksanakan mengikut Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membasmi kemiskinan?
- A Mengurangkan saham milik warga asing
 - B Melaksanakan pembangunan wilayah
 - C Membuka kampung-kampung baharu
 - D Mengurangkan kemasukan imigran
- 38 Malaysia menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) setelah mencapai kemerdekaan.
- Mengapakah Malaysia menganggotai pertubuhan tersebut?
- A Menamatkan ancaman luar
 - B Memelihara kedaulatan negara
 - C Menganggotai pakatan tentera
 - D Menyertai perdagangan dunia
- 39 Mengapakah Malaysia menentang Dasar Aparteid yang diamalkan oleh Afrika Selatan?
- A Hubungan dagang terhad
 - B Dasar komunis diamalkan
 - C Kebebasan agama disekat
 - D Diskriminasi kaum dilaksanakan
- 40 Apakah pendirian Malaysia berkenaan isu benua Antartika dalam pertubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?
- A Perkongsian hasil penerokaan
 - B Memberi bantuan teknologi
 - C Kekayaan milik negara maju
 - D Sumber bumi dikecualikan cukai

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT